

19/04/2001

Tembelang pakar tulang belakang Jerman terdedah

KENYATAAN Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, mempersoalkan sikap Dr Thomas Hoogland, yang enggan melakukan pembedahan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, di negara ini, kelmarin, dengan sendirinya mendedahkan latar belakang pakar tulang belakang dari Jerman itu. Jika sebelum ini beliau pernah melakukan pembedahan endoskopik di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu dan Sepanyol, Malaysia juga tidak kurang dari segi kelengkapannya. Pasti, sudah ramai juga yang menjalani pembedahan yang sama (walaupun dengan kaedah lain) di negara ini. Lebih membanggakan pembedahan dilakukan oleh pakar tempatan, tanpa menimbulkan banyak masalah. Hakikatnya, keselamatan Anwar lebih terjamin jika pembedahan dilakukan di negara ini. Tidak ada pihak yang mahu melihat sesuatu yang buruk berlaku terhadap Anwar kerana ia hanya akan menimbulkan persoalan baru. Jika ada pihak yang kononnya bimbang terhadap keselamatan Anwar jika pembedahan ke atasnya dilakukan, ia datangnya daripada mereka yang tidak percaya kepada kemampuan negara sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri menjalani pembedahan di negara ini, walaupun ketika itu teknologi pembedahan saluran ke jantung, masih baru di negara ini. Alasan Hoogland bahawa kelengkapan di pusat perubatan dalam negeri ini berkurangan tidak masuk akal. Walaupun demikian, demi memudahkan Hoogland melakukan pembedahan mengikut kaedah yang dikehendakinya, dia juga dibenarkan membawa masuk peralatannya yang diperlukan untuk pembedahan itu. Jelas, tidak ada halangan untuknya melakukan pembedahan dalam negeri. Kita tidak nampak perbezaannya antara pembedahan di Jerman atau di negara ini jika pakar dan peralatan yang diperlukan tersedia di negara ini. Apa yang sebenarnya ialah mereka tidak boleh menerima hakikat bahawa Anwar tidak mungkin boleh dibawa keluar dari negara ini selagi ia sedang menjalani hukuman penjara.

(END)